

ABSTRAK

Kedatangan Aidiladha seluruh dunia seringkali dikaitkan mengiringi hari Arafah dengan tanggapan hari raya tersebut disambut setelah selesainya jemaah haji berwukuf. Atas tanggapan berkenaan, terdapat golongan yang menyatakan bahawa kaedah penentuan Aidiladha negara Malaysia masa kini yang berpandukan cerapan hilal Zulhijjah sendiri sebagai tidak menepati syariat Islam serta menggesa penggunaan semula kaedah penentuan berpandukan ketetapan hari wukuf seperti yang pernah diamalkan negara dari tahun 1968 hingga 1993. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti kaedah yang lebih menepati syariat Islam dan menentukan sama ada kaedah penentuan yang digunakan negara Malaysia masa kini tepat atau tidak dengan meneliti semula kaedah penentuan hari perayaan tersebut pada zaman Rasulullah SAW dan generasi silam. Kajian juga dilaksanakan untuk menentukan sejauh mana pengambilkiraan *matla'* terhadap penentuan Aidiladha serta kesan sekiranya negara Malaysia menerimapakai hasil kenampakan hilal Zulhijjah negara Arab Saudi. Metodologi kajian adalah berpandukan kajian perpustakaan sementara data-data kenampakan hilal kedua-dua negara dari tahun 1415H hingga 1431H dianalisis menggunakan perisian MoonCalc5.2 untuk menentukan faktor perbezaan tarikh sambutan Aidiladha kedua-dua negara. Dapatan kajian menunjukkan tradisi penentuan Aidiladha sejak mula adalah berpandukan kenampakan hilal memandangkan ibadah haji disyariatkan lebih lewat berbanding hari perayaan tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah penyediaan takwim hijri yang berbeza antara negara Malaysia (kaedah Imkanur-rukyah) dengan Arab Saudi (kaedah Umm al-Qura) boleh menyebabkan tarikh merukyah hilal Zulhijjah kedua-dua negara berbeza. Sementara analisis data kenampakan hilal dari tahun 1415H hingga 1431H mengesahkan *matla'* hilal kedua-dua negara adalah berbeza. Analisis data juga mengesahkan sekiranya negara Malaysia menerimapakai hasil kenampakan hilal Zulhijjah negara Arab Saudi, maka lebihan hari bulan Zulhijjah (31 hari) dan kekurangan hari bulan Zulkaedah (28 hari) berlaku kepada negara Malaysia sepertimana yang pernah terjadi sepanjang tahun 1968 hingga 1993. Faktor-faktor perbezaan tarikh sambutan Aidiladha kedua-dua negara banyak dipengaruhi oleh faktor *matla'*. Selain faktor tersebut, faktor hilal yang didakwa kelihatan di negara Arab Saudi ketika data menunjukkan hilal belum lahir dan juga hilal didakwa kelihatan di negara tersebut ketika data menunjukkan hilal tiada atas ufuk turut menyumbang kepada perbezaan tarikh sambutan Aidiladha kedua-dua negara.

ABSTRACT

The coming of Aidiladha all over the world is frequently said to begin right after the day of Arafah on the assumption that the celebration of Aidiladha takes place once the pilgrims have completed their wukuf. Based on such an assumption, there are those who opined that the method to reckon the starting date of Aidiladha in Malaysia nowadays which merely based on lunar observation of Zulhijjah does not comply with Islamic Shariah and urged to bring back the old method of determination based on the date of wukuf which was once practiced in our country from 1968 to 1993. Thus, this research was conducted to identify the method which is more consistent with Islamic shariah and to determine whether the method adopted in Malaysia now is accurate by looking into the method for determining Aidiladha practiced during Prophet's times and thereafter. This research was also conducted to identify to what extent the validity of *matla'* in determining the date of Aidiladha and its effects should Malaysia apply the result of moonsighting taking place in Saudi Arabia. The research uses the mode of library research, whilst the data of the visibility of hilal between the two countries from 1415H to 1431H are analysed using MoonCalc 5.2 to determine different factors with regards to the dates of Aidiladha between the two countries. The research findings show that at the beginning, the method for determining Aidiladha was solely based on moonsighting given the fact that it had been practiced years before the introduction of Islamic pilgrimage. The findings also show that the different criteria of preparing hijri calendar in both countries, Malaysia (Imkanur-rukyah) and Saudi Arabia (Umm al-Qura) could result in the reckoning date of Zulhijjah between the two countries differ. While the data analysis of moonsighting from 1415H to 1431H established the fact that the *matla'* hilal between the two countries is different. The analysis of data also authenticated the fact that should Malaysia apply the same results of moonsighting taking place in Saudi Arabia, the month of Zulhijjah would increase to 31 days, while the month of Zulkaedah would decrease to 28 days respectively. This occurred in Malaysia between 1968 and 1993. The main factor leading to different dates of celebration of Aidiladha is the *matla'* factor. Besides that, the lunar factor which some claimed of its sighting in Saudi Arabia whilst the data there proved the conjunction not yet occurred and also some claimed of its sighting whilst the data showed the moon had nowhere to be seen above horizon further contributes to the existing differences concerning celebrations dates of Aidiladha between the two countries.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas kekuatan yang diberikan untuk mengharungi segala ujian bagi menyempurnakan kajian ini. Pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan rasa terima kasih tidak terhingga kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam penghasilan kajian ini. Tanpa pertolongan, bantuan, kerjasama dan sokongan daripada mereka, tidak mungkin bagi penulis dapat menyiapkan penulisan ini dengan sebaiknya.

Jutaan terima kasih khusus kepada Dr. Saadan bin Man dan Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri bin Zainuddin selaku penyelia yang telah banyak memberikan panduan dan bimbingan berguna sepanjang penulis menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga buat semua pensyarah di Jabatan Fiqh Dan Usul, Universiti Malaya khususnya Dr. Anisah binti Ab. Ghani juga Dr. Ibnor Azli bin Ibrahim di Universiti Kebangsaan Malaysia yang banyak memberikan pandangan ke arah penambahbaikan penulisan.

Penghargaan paling istimewa penulis rakamkan kepada ayahanda yang dikasihi Hj. Rodzali bin Hj. Omar, bonda tercinta Hajjah Gayah binti Ali, isteri Hafiza binti Zahadi serta anak-anak Nadhrah, Lin Najiah dan Muhamad Harith Ajwad yang sentiasa memberikan sokongan moral kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini.

Juga kepada bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Dato' Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz yang telah menggesa penulis menyambung pelajaran ke peringkat ini.

Sesungguhnya Allah SWT sahaja yang mampu membalas jasa kalian. Akhir kata, kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan kajian ini, penulis doakan semoga jasa baik kalian dibalas oleh Allah SWT dengan sebaik-baik balasan.

Jazakallahu khair al-jaza'

Sekian, terima kasih.

MUHAMAD ZAKUWA BIN RODZALI

Jabatan Fiqh Dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

No 5, Jalan Melati 2
Taman Melati,
Sg. Ramal Dalam,
Kajang.